

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani peningkatan kes di negeri-negeri yang telah diberi kelonggaran pembukaan sektor ekonomi dan sebagainya memandangkan jumlah kes terus meningkat dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperhebatkan pemberian vaksinasi COVID-19 dalam usaha menangani peningkatan kes di negeri-negeri yang melaporkan peningkatan kes berikutan kelonggaran pembukaan sektor ekonomi dan sebagainya. Pemberian vaksin ini merupakan strategi dalam mengawal penularan jangkitan dalam lokaliti dengan jumlah kes yang tinggi atau wabak sedang berlaku bagi meningkatkan imuniti kelompok komuniti setempat.

2. Impak daripada meningkatkan liputan vaksinasi COVID-19 ini telah dapat dilihat pada tren kes harian di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, Negeri Sembilan serta WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. Liputan vaksinasi yang tinggi dan mencapai imuniti kelompok ini juga dapat mengurangkan bilangan kes dengan gejala teruk yang memerlukan rawatan di hospital ataupun di unit rawatan rapi (ICU).

3. Walau bagaimanapun, pengurusan peningkatan kes COVID-19 ini memerlukan pertambahan sumber. Mobilisasi sumber dari agensi KKM dan bukan KKM dilakukan bagi membantu dalam memberi rawatan, menjalankan siasatan kes dan kontak serta pengurusan data di negeri atau daerah terbabit. Kapasiti PKRC dan wad yang terhad pula diatasi dengan melaksanakan pemantauan kes COVID-19 kategori 1 dan 2 yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, untuk menjalankan pengasingan di rumah. Pemantauan status kesihatan harian pula dijalankan secara *virtual*. Fasiliti kesihatan swasta serta pengamal perubatan swasta dilibatkan secara aktif bagi meningkatkan kapasiti pengurusan kes COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada masa yang sama, pembukaan dan kelonggaran yang diberikan kepada pelbagai jenis sektor menunjukkan Malaysia telah bersedia untuk hidup bersama virus SARS-CoV-2 ini. Justeru, pemerkasaan komuniti sentiasa ditekankan dan ditingkatkan, meliputi pematuhan SOP dan arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan serta

pembudayaan norma baharu. Komuniti juga perlu diperkukuhkan bagi memantau keselamatan, kesihatan dan kebajikan ahli komuniti terutama kes COVID-19 positif dan kontak rapat yang diperintahkan menjalani pengasingan, pengawasan dan pemerhatian di rumah.

5. Lazimnya, apabila berlaku peningkatan kes COVID-19 harian di sesuatu negeri atau daerah, penularan jangkitan telah berleluasa berlaku dalam komuniti. Maka komuniti termasuk pekerja dan majikan di pelbagai sektor diperkasakan bagi memantau status kesihatan mereka. Ia termasuk menjalankan ujian sendiri pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan RTK antigen (Ag) sekiranya bergejala dan segera mengasingkan diri jika keputusan ujian menunjukkan positif. Mereka juga perlu diperkasakan agar sekiranya positif COVID-19 dan sedang menjalani pengawasan dan pemerhatian di rumah, supaya segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan sekiranya gejala bertambah teruk tanpa menunggu pihak kesihatan datang menguruskan mereka.

6. Pemantauan dan penguatkuasaan juga dipertingkatkan di kawasan berlaku peningkatan kes COVID-19 bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi SOP dan mengamalkan norma baharu. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ini melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa yang telah diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].

Sekian, terima kasih.